

**LAPORAN UNTUK  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

**KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM KHEMAH KERJA PERPADUAN (KEM PADU ANAK MALAYSIA) DALAM MEMUPUK DAN MENGUKUHKAN PERPADUAN NEGARA DAN PATRIOTISMA DALAM KALANGAN GENERASI MUDA**

**DISEDIAKAN OLEH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### **Kajian Keberkesanan Program Khemah Kerja Perpaduan (Kem Padu Anak Malaysia) dalam Memupuk dan Mengukuhkan Perpaduan Negara dan Patriotisma Dalam Kalangan Generasi Muda**

#### 1.0 PENGENALAN

Agenda perpaduan dan patriotisma sentiasa mendapat perhatian serius kerajaan. Antara langkah strategik yang telah diambil pihak Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam memelihara dan meningkatkan perpaduan, patriotisma dan integrasi nasional ialah dengan melaksanakan program pembangunan perpaduan di seluruh Malaysia.

Program Khemah Kerja Perpaduan (Kem Padu Anak Malaysia) adalah salah satu program pembangunan perpaduan yang diusahakan oleh JPNIN. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 1984. Program ini adalah aktiviti perkhemahan bagi Jiran Muda atau belia yang bermastautin di kawasan Rukun Tetangga dan dilaksanakan dengan objektif berikut:

- Membina disiplin dan ketahanan diri;
- Meningkatkan semangat berdikari dan kekayaan diri;
- Memupuk dan membina daya kepimpinan dan kemahiran diri;
- Menanam dan memupuk semangat perpaduan, berpasukan, bekerjasama; dan
- Mengukuhkan nilai-nilai agama, kekeluargaan dan kejiranan

#### 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti profil peserta yang telah menyertai Program Kem Padu Anak Malaysia.
2. Mengenal pasti perubahan pada diri peserta dalam aspek ketahanan diri, berdikari, keyakinan, kepimpinan dan kemahiran diri.
3. Mengenal pasti sikap dan pengetahuan patriotisma peserta di awal dan di akhir program.
4. Mengenal pasti sikap dan pengetahuan perpaduan peserta di awal dan di akhir program.
5. Membandingkan sikap dan pengetahuan patriotisma dan perpaduan peserta mengikut jantina, lokasi kediaman, etnik, kawasan kediaman, umur, dan latar belakang keluarga.
6. Mengenal pasti reaksi peserta terhadap input, proses dan hasil Program Kem Padu Anak Malaysia.
7. Mengenal pasti perkaitan sikap dan pengetahuan terhadap patriotisma dan perpaduan dengan reaksi peserta terhadap input dan proses Program Kem Padu Anak Malaysia.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Kaedah Kajian

Kajian penilaian ini bersifat kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif melibatkan kaedah pengumpulan data menerusi borang soal selidik yang diberikan kepada peserta di awal program dan di akhir program.

Pendekatan kualitatif pula melibatkan kaedah pengumpulan data dengan cara menjalankan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD). kumpulan peserta dan juga kumpulan fasilitator program. Data kualitatif ini dikumpul sebagai data tambahan kepada data kuantitatif dan membolehkan penyelidik mentafsirkan dan memahami penemuan kajian. Dalam setiap FGD kumpulan peserta, antara tujuh (7) ke sepuluh (10) orang peserta telah dilibatkan. Sementara bagi kumpulan fasilitator, antara tiga (3) ke lima (5) fasilitator terlibat sebagai informan.

#### 3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada remaja yang berumur di antara 12 dan 21 tahun yang telah menyertai Kem Padu Anak Malaysia pada tahun 2008. Sampel dipilih secara bertujuan (purposive). Negeri Kedah dipilih mewakili zon utara, Pahang dan Kelantan mewakili zon pantai timur, Selangor dan Perak mewakili zon tengah dan Sarawak mewakili zon Sabah/Sarawak. Seramai 531 responden telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

#### 3.3 Analisis Data

Data kuantitatif yang diperolehi melalui soal selidik dianalisa secara deskriptif dengan menggunakan SPSS.

Bagi data kualitatif pula, temubual telah ditranskripkan. Transkrip tersebut kemudiannya telah diteliti dengan mengenalpasti tema mengikut konteks, input, proses dan produk. Seterusnya, tema-tema tersebut telah dikodkan mengikut kategori-kategori tertentu.

#### 4.0 HASIL KAJIAN DAN KESIMPULAN

Program Kem Padu Anak Malaysia merupakan program yang baik dan memberi manfaat kepada peserta program serta berjaya meningkatkan pengetahuan dan sikap peserta bagi perpaduan dan patriotisma.

Golongan remaja Melayu yang merupakan peserta majoriti program ini manakala penyertaan dari kaum Cina dan kaum India harus ditingkatkan. Secara keseluruhannya, peserta program mempunyai pandangan dan reaksi positif terhadap program ini

Secara khususnya:

1. Program Kem Padu Anak Malaysia telah berjaya membawa peningkatan yang signifikan kepada diri peserta dari aspek ketahanan diri, berdikari, berkeyakinan, kepimpinan dan kemahiran diri dalam kalangan peserta. Peningkatan ini tidak besar kerana pada awalnya peserta sudah pun mempunyai kualiti diri yang agak baik.
2. Semangat patriotisma peserta tidak banyak berubah setelah mengikuti program ini kerana pada awalnya semangat patriotisma mereka agak tinggi. Walau bagaimanapun, program ini masih mendatangkan kesan positif yang signifikan kepada peserta.
3. Program Kem Padu Anak Malaysia membawa perubahan yang signifikan kepada peserta dari segi sikap terhadap perpaduan berbanding dengan perubahan dalam sikap terhadap patriotisma.
4. Pengetahuan peserta terhadap patriotisma meningkat setelah mengikuti Program Kem Padu Anak Malaysia. Walau bagaimanapun peningkatan tersebut tidaklah besar kerana pada asalnya peserta telah pun mempunyai pemahaman terhadap patriotisma.
5. Program ini berjaya meningkatkan pengetahuan peserta berkenaan perpaduan. Pada umumnya peserta menerima hakikat bahawa kaum- kaum di Malaysia perlu bermuafakat bagi menentukan keharmonian Negara.
6. Sebelum program ini dilaksanakan terdapat perbezaan signifikan dalam pengetahuan terhadap perpaduan di antara peserta lelaki dan perempuan, di antara mereka yang berumur 15 tahun ke bawah dan 16 tahun ke atas, dan mereka yang berlatar belakang keluarga berkahwin campur. Program ini telah berjaya mengurangkan jurang perbezaan pengetahuan dalam kalangan mereka.

7. Pada keseluruhannya peserta mempunyai reaksi positif terhadap kemudahan, pelaksanaan dan kesan program. Walau bagaimanapun dua komponen aspek pelaksanaan program berkaitan isi kandungan program dan jangkamasa program perlu diteliti semula.
8. Kajian mendapati bahawa reaksi peserta terhadap input dan proses program mempunyai perkaitan positif yang signifikan dengan sikap dan pengetahuan peserta tentang patriotisma dan tentang perpaduan di akhir program.

### **5.0 KELEMAHAN, KEKUATAN DAN POTENSI**

Data kuantitatif dan data kualitatif serta pemerhatian yang dilakukan semasa program sedang berjalan, jelas menunjukkan Program Kem Padu Anak Malaysia ini mempunyai kekuatan, kelemahan dan potensi. Kelemahan yang dikenal pasti adalah kelemahan kecil dalam pelaksanaan program yang boleh diatasi dengan mudah. Namun begitu, program ini mempunyai lebih banyak kekuatan berbanding kelemahan.

Berdasarkan pemerhatian, pegawai dan fasilitator program didapati mempunyai komitmen dan sikap yang positif terhadap program. Mereka yang terlibat mempunyai kemahiran dan terlatih dan mempunyai pandangan yang positif terhadap program; mereka juga didapati seronok mengendalikan program ini walaupun perlu bekerja hingga lewat malam atau pada hujung minggu. Kesediaan dan kelayakan pengendali program didapati sesuai dan mencukupi. Ini bermakna pihak Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional mempunyai kapasiti dan potensi untuk pelaksanaan program dengan baik dan jaya. Ini adalah kekuatan pada program ini.

Pendekatan mengendalikan program yang memfokus kepada penglibatan peserta, pembelajaran berasaskan pengalaman, pengamatan dan perbincangan kumpulan adalah sesuai dan disenangi peserta. Ini merupakan satu lagi kekuatan pada program ini. Pendekatan belajar sambil bersuka menyebabkan mereka mempunyai persepsi yang positif terhadap program ini.

## 6.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Program Kem Padu Anak Malaysia sebagai program pembangunan kapasiti dan pendidikan kerakyatan golongan remaja adalah didapati berkesan dan memberi manfaat kepada peserta yang menyertainya. Peranan program ini dalam pendidikan kerakyatan dapat ditingkatkan lagi dan impaknya akan lebih ketara sekiranya kualiti input dan kualiti proses pelaksanaan program dimurnikan. Berikut dikemukakan cadangan penambahbaikan pengendalian program untuk pertimbangan pihak Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional.

1. Kumpulan sasaran harus dikenal pasti dalam kalangan mereka yang boleh mendapat manfaat besar daripada program seperti ini. Ketua komuniti dan guru perlu memainkan peranan dalam mengenalpasti kumpulan sasaran yang sesuai supaya mereka mendapat manfaat yang besar. Penglibatan peserta dari kumpulan “*at risk*” perlu dipertingkatkan kerana mereka inilah yang akan banyak mendapat manfaat daripada Program Kem Padu Anak Malaysia.
2. Program ini perlulah mendapatkan lebih banyak penyertaan golongan muda terutamanya dari kaum Cina dan India. Salah satu cara untuk meningkatkan penyertaan kaum ini adalah pihak JPNIN harus mendapatkan sokongan terhadap program ini dari badan bukan kerajaan (NGO) bukan Melayu. Ianya boleh dijadikan satu program kerjasama di mana pihak JPNIN akan mengeluarkan dana bagi mengajukannya bersama dengan NGO bukan melayu terpilih.
3. Dicadangkan juga supaya pihak JPNIN dapat mengeluarkan modul untuk keseragaman bagi aktiviti yang dijalankan. Satu panel pakar juga harus dibentuk bagi menilai kesahihan kandungan modul yang dibentuk.
4. Langkah yang sewajarnya harus diambil oleh pihak JPNIN berkaitan dengan isu tempoh masa program ini. Memandangkan peserta mempunyai reaksi positif terhadap program, program Kem Padu Anak Malaysia boleh dilaksanakan secara bersiri bagi memantapkan lagi perpaduan dan patriotisma peserta.
5. Pihak JPNIN harus menggubal aspek input dan proses dalam program ini supaya sesuai dengan golongan peserta. Tumpuan perlu diberikan bagi meningkatkan aktiviti “bukan ceramah” seperti aktiviti luar, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), aktiviti kebudayaan serta pelbagai aktiviti lagi. Aktiviti tersebut perlu disematkan nilai murni yang ingin dibentuk dalam kalangan golongan muda.